

**NO. SOALAN : 327**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN OSCAR LING CHAI YEW  
[ SIBU ]**

**SOALAN :**

**YB. Tuan Oscar Ling Chai Yew [ SibU ] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan peruntukan yang akan diberikan kepada rancangan "Visit SibU Year 2017". Senaraikan acara dan peruntukan yang akan dihulurkan oleh Kerajaan Persekutuan.**

**JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ,  
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi *Visit SibU Year 2017*, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan juga mengambil maklum mengenai rancangan tersebut.

Pihak Tourism Malaysia Sarawak dengan kerjasama Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Sarawak dan Sarawak Tourism Board (STB) sentiasa berusaha mempromosikan acara-acara pelancongan di Sarawak termasuk di SibU. Untuk makluman, berikut adalah acara-acara pelancongan yang dijadualkan bagi tahun 2016:

1. Pesta Selangau, 11 – 12 April 2016;
2. *Borneo Cultural Festival*, 21 – 30 Julai 2016;
3. *SibU International Dance Festival*, 13 – 17 September 2016;
4. *SibU Base Jump*, 23 – 25 September 2016;
5. *Borneo Talent Award*, 25 – 26 September 2016;
6. *Kanowit Festival*, 24 – 30 September 2016; dan
7. *SibU Bike Week*, 2 – 4 Disember 2016.

Penganjuran acara-acara tersebut boleh dijadikan sebagai platform untuk mempromosikan *Visit SibU Year 2017*. Kementerian juga akan mengkaji dan mempertimbangkan sebarang permohonan penganjuran acara baru yang bersesuaian untuk dianjurkan bagi *Visit SibU Year 2017*.

Sekian, terima kasih.